Federation of Malysia

EDICT OF GOVERNMENT

In order to promote public education and public safety, equal justice for all, a better informed citizenry, the rule of law, world trade and world peace, this legal document is hereby made available on a noncommercial basis, as it is the right of all humans to know and speak the laws that govern them.

MS 2393 (2010) (English): PRINSIP ISLAM DAN HALAL - DEFINISI DAN PENAFSIRAN ISTILAH

BLANK PAGE

PROTECTED BY COPYRIGHT

MALAYSIAN STANDARD

MS 2393:2010 (BM) (P)

PRINSIP ISLAM DAN HALAL - DEFINISI DAN PENJELASAN ISTILAH

ICS: 01.020

Perihal: definisi dan penjelasan istilah, istilah berkaitan Islam dan halal

© Hak cipta 2010

JABATAN STANDARD MALAYSIA

PEMBANGUNAN *MALAYSIAN STANDARD*

Jabatan Standard Malaysia (STANDARDS MALAYSIA) ialah badan standard dan akreditasi kebangsaan.

Fungsi utama Jabatan Standard Malaysia adalah untuk merangsang dan menggalakkan standard, penstandardan dan akreditasi sebagai cara bagi memajukan ekonomi negara, menggalakkan kecekapan dan pembangunan industri yang bermanfaat kepada kesihatan dan keselamatan awam, melindungi pengguna, memudahkan perdagangan dalam negeri dan antarabangsa serta melanjutkan kerjasama antarabangsa berhubung dengan standard dan penstandardan.

Malaysian Standard (MS) dibangunkan melalui sepersetujuan jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai oleh perwakilan yang seimbang daripada pengeluar, pengguna dan pihak lain yang kepentingannya relevan, sebagaimana yang sesuai dengan perkara yang sedang diusahakan. *Malaysian Standard* adalah sejajar atau diterima guna daripada standard antarabangsa, seboleh mungkin. Kelulusan sesuatu standard sebagai *Malaysian Standard* ditentukan oleh Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549]. *Malaysian Standard* dikaji semula secara berkala. Penggunaan *Malaysian Standard* adalah secara sukarela, melainkan diwajibkan oleh pihak berkuasa yang mengawal selia melalui peraturan, undang-undang kecil tempatan atau apa-apa cara lain yang serupa.

Jabatan Standard Malaysia melantik **SIRIM Berhad** sebagai ejen bagi membangunkan *Malaysian Standard*. Jabatan itu juga melantik SIRIM Berhad sebagai ejen pengedaran dan penjualan *Malaysian Standard*.

Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan *Malaysian Standard*, sila hubungi:

Jabatan Standard Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 1 & 2, Blok 2300, Century Square
Jalan Usahawan
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel.: 60 3 8318 0002
Faks: 60 3 8319 3131
http://www.standardsmalaysia.gov.my

E-mel: central@standardsmalaysia.gov.my

ATAU

SIRIM Berhad
(No. Syarikat 367474-V)
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel.: 60 3 5544 6000
Faks: 60 3 5510 8095
http://www.sirim.my

E-mel: msonline@sirim.my

KANDUNGAN

Muka surat

Perwakilan jawatankuasa ii

Prakata iii

1 Skop 1

2 Definisi 1

Jadual A1 Transliterasi istilah dan tulisan Arab 8

Jadual A2 Jadual transliterasi 9

Jadual A3 Jadual penggunaan vokal 9

Lampiran A Transliterasi istilah dan tulisan Arab 8

Bibliografi 10

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

Perwakilan jawatankuasa

Pembangunan Standard Malaysia ini adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Standard Perindustrian bagi Standard Halal (ISC I) yang dianggotai oleh wakil dari organisasi yang berikut:

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd
Institut Kefahaman Islam Malaysia
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Institute of Quality Malaysia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Standard Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia (Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Malaysian Agriculture Research and Development Institute
Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia
Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
SIRIM Berhad (Urusetia)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Ahli ambilan:

Yayasan Ilmuwan

Kumpulan Kerja bagi Istilah dan Daftar Istilah Islam yang membangunkan Standard Malaysia ini dianggotai oleh wakil dari organisasi yang berikut:

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia

Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd

Institut Kefahaman Islam Malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Persatuan Pengguna Islam Malaysia

SIRIM Berhad (Urusetia)

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Universiti Malaya

Universiti Sains Islam Malaysia

Yayasan Ilmuwan

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

PRAKATA

Standard Malaysia ini dibangunkan oleh Kumpulan Kerja bagi Istilah dan Daftar Istilah Islam di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Standard Perindustrian bagi Standard Halal.

Pematuhan Standard Malaysia ini tidak bermaksud mendapat imuniti dari sebarang keperluan undang-undang.

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

PRINSIP ISLAM DAN HALAL - DEFINISI DAN PENJELASAN ISTILAH

1 Skop

Standard Malaysia ini menggariskan makna dan penjelasan istilah yang diguna pakai dalam standard yang berkaitan dengan Islam dan halal terutamanya yang berasal daripada istilah Arab. Standard Malaysia ini juga bertujuan untuk menggambarkan prinsip-prinsip dalam konteks Islam.

Standard Malaysia ini disediakan bagi tujuan keseragaman pemahaman penggunaan perkataan termasuk dalam aktiviti promosi dan penggunaan standard berkaitan Islam dan halal.

2 Definisi

Bagi tujuan penggunaan standard berkaitan, definisi yang berikut digunakan.

2.1 *Allah*

Nama khas yang merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa yang bersifat dengan sifat-sifat Yang Maha Sempurna dan Yang mencipta alam ini.

2.2 *ahkam*

Kata jamak kepada hukum. Rujuk 2.17.

2.3 air *mutlaq*

Air yang bersih dan suci yang boleh digunakan untuk berwuduk, mandi wajib dan menyucikan najis.

2.4 alkohol

Mana-mana sebatian organik yang mempunyai kumpulan berfungsi hidroksil (-OH) terbahagi kepada dua kategori:

2.4.1 alkohol (minuman)

Etanol (khamar atau arak atau minuman keras) daripada hasil pemeraman buah-buahan seperti anggur, kurma; dan bijirin seperti beras, gandum, barli dan jagung.

2.4.2 alkohol (industri)

Alkohol yang dihasilkan secara proses sintesis kimia daripada etilena.

2.5 *al-Hadis*

Riwayat mengenai sabda, perbuatan, apa-apa yang diperakui oleh Nabi Muhammad s.a.w. atau sifat-sifat baginda.

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

2.6 *al-Ijma'*

Kesepakatan pendapat semua ulama selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. berkaitan masalah Hukum Syarak berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

2.7 *al-Sunnah*

Sabda, perbuatan atau apa-apa yang diperakui oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk menjelaskan sesuatu hukum dalam agama Islam dan menjadi sumber rujukan kedua hukum Islam.

2.8 *al-qawaid al-fiqhiyyah*

Kaedah-kaedah fiqah. (contoh: a. Segala sesuatu ditentukan oleh niat. b. Apabila bercampur halal dan haram, dihukumkan haram. c. Dalam keadaan yang terdesak (darurat) perkara-perkara yang diharamkan menjadi harus, selagi keadaan terdesak itu berterusan.)

2.9 *al-Qiyas*

Kaedah menentukan hukum suatu masalah baru melalui perbandingan dengan masalah yang telah ada hukum dalam *al-Quran*, *al-Sunnah* dan *al-Ijma'* berasaskan persamaan alasan hukum (*'illah*).

2.10 *al-Quran*

Kitab suci Islam yang mengandungi firman Allah S.W.T. yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) melalui perantaraan Jibrail a.s. dalam bahasa Arab dan menjadi sumber rujukan utama hukum Islam.

2.11 *baligh*

Seseorang yang sudah cukup umur iaitu yang telah keluar mani sama ada melalui mimpi atau tidak (bagi lelaki) atau haid (bagi perempuan); atau umurnya sudah sampai 15 tahun hijri (mengikut Mazhab Shafie); atau mana yang lebih dahulu.

2.12 fatwa

Ketetapan yang diputuskan oleh seseorang yang berwibawa dalam hukum Syarak tentang apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian berkaitan atau berhubung hukum Syarak.

2.12.1 jawatankuasa Fatwa

Sebuah badan rasmi yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa.

NOTA. Di Malaysia, jawatankuasa ini berkuatkuasa di peringkat negeri, sementara jawatankuasa di peringkat kebangsaan bertindak sebagai penyelaras.

2.13 haiwan *jallalah*

Binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan hidup di persekitaran najis.

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

2.14 halal

Perkara yang dibenarkan oleh hukum Syarak untuk mendapatkan manfaat daripadanya; seperti makan, minum dan menggunakannya; dan tidak berdosa jika dilakukan. Lawannya ialah haram.

2.14.1 *halalan tayyiba*

Halal lagi selamat, berkualiti dan berkhasiat.

2.14.2 *tayyiba*

Selamat, berkualiti dan berkhasiat.

2.15 haram

Perkara yang dilarang oleh hukum Syarak untuk mendapatkan manfaat daripadanya; seperti makan, minum dan menggunakannya; dan berdosa jika dilakukan.

NOTA. Definisi ini berbeza daripada 2.17.1.1 (c) di mana istilah ini menjelaskan kesan daripada larangan pengharaman.

2.16 *hayah mustaqirrah*

Keadaan binatang sembelihan yang diyakini masih bernyawa. *Hayah mustaqirrah* boleh dikenalpasti apabila ada darah terpancut semasa penyembelihan dan adanya pergerakan setelah disembelih.

2.17 hukum Syarak

2.17.1 Perintah Allah Taala yang berkaitan dengan perbuatan *mukallaf* (2.28) secara tuntutan (suruhan dan larangan), pilihan (*al-Takhyir*) atau *Wad^{c}i*.

Hukum Syarak terbahagi kepada dua, iaitu *Hukum Taklifi* dan *Hukum Wad^{c}i*:

2.17.1.1 *Hukum Taklifi*

Perintah Allah Taala yang berkaitan dengan perbuatan *mukallaf* secara tuntutan (suruhan dan larangan) atau pilihan (*al-Takhyir*). Ia terbahagi kepada lima bahagian:

a) Wajib: Perintah yang dituntut secara pasti oleh Syarak supaya melakukannya. Jika dilakukan akan mendapat pahala dan jika tidak dilakukan akan mendapat dosa. (contoh.: kewajiban membayar zakat).

b) Sunat: Perintah yang digalakkan oleh Syarak supaya melakukannya. Jika dilakukan akan mendapat pahala dan jika tidak dilakukan tidak mendapat dosa. (contoh.: membaca *Bismillah* sebelum memulakan kerja yang baik).

c) Haram (Larangan): Perintah yang dituntut secara pasti oleh Syarak supaya meninggalkannya. Jika dilakukan akan mendapat dosa dan jika ditinggalkan akan mendapat pahala. (contoh: memakan bangkai, arak, rasuah).

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

d) Makruh: Perintah yang digalakkan oleh Syarak supaya meninggalkannya. Jika ditinggalkan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak berdosa. (contoh: memotong leher binatang sembelihan sehingga putus).

e) Harus: Perkara yang diberi pilihan oleh Syarak sama ada untuk melakukan atau tidak. (contoh: makan dan minum).

2.17.1.2 ***Hukum Wad^{c}i***

Menjadikan sesuatu sebagai syarat, sebab, halangan (*al-mani^{c}*), sah dan batal daripada melaksanakan hukum Syarak yang lain. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian:

a) Sebab: Sesuatu perkara yang menyebabkan wujudnya sesuatu hukum dan ketiadaannya menyebabkan tiadanya hukum. (contoh: masuk waktu sebagai sebab wajibnya solat, sebab tercampurnya najis ke dalam satu produk menjadikan produk itu haram).

b) Syarat: Sesuatu perkara yang dilakukan yang menjadikan sesuatu hukum itu sah dan ketiadaannya menjadikan tiadanya hukum. Kewujudan syarat tidak semestinya akan ada hukum. (contoh: bersuci menjadi syarat sahnya sembahyang, syarat sah sembelihan ialah penyembelih adalah dari kalangan orang Islam).

c) Halangan: Sesuatu perkara yang kewujudannya menyebabkan gugurnya hukum. (contoh: haid sebagai halangan bagi golongan wanita untuk bersolat, membunuh diri sebagai halangan untuk mendapat tuntutan takaful atau insuran).

d) Sah: Sesuatu yang dilakukan dengan memenuhi semua rukun dan syaratnya. (contoh: sembelihan yang memenuhi rukun dan syarat adalah dihukumkan sah, solat yang memenuhi rukun dan syarat adalah sah).

e) Batal: Sesuatu yang dilakukan tidak memenuhi mana-mana rukun atau syarat. (contoh: menyembelih binatang tanpa memutuskan salah satu urat yang wajib, menjual sesuatu yang tidak wujud).

2.17.2 Dalam konteks perundangan Malaysia, hukum Syarak bermakna undang-undang Islam dalam Mazhab Shafie atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu Mazhab sama ada Hanafi, Maliki atau Hanbali atau fatwa yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai agama Islam.

2.18 syariah

Keseluruhan undang-undang dan peraturan Allah mengenai kehidupan dan perlakuan manusia untuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

2.19 ***istihalah***

Berubah sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan berubah hakikatnya atau sifatnya secara semula jadi melalui proses tindakbalas kimia.

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

2.20 ***khamar***

Setiap minuman yang secara umumnya boleh memabukkan.

2.21 kiblat

Arah atau hala yang menghadap Kaabah di Makkah; arah yang dihadapi oleh orang Islam ketika bersalat.

2.22 ***mazbuh***

Binatang yang disembelih.

2.23 ***masfuh***

Yang mengalir.

2.24 ***dam masfuh***

Darah yang mengalir.

2.25 ***maslahah***

sesuatu yang berfaedah atau yang mendatangkan kebaikan kepada individu dan masyarakat.

2.26 ***maqasid al-Shariah***

Objektif-objektif syarak

2.27 mazhab

Aliran pandangan berkaitan hukum-hakam di dalam Islam yang dikemukakan oleh mujtahid bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, ijma', qiyas dan sumber-sumber lain yang diterima oleh mazhab yang berkenaan. Contohnya mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali.

2.28 ***mubah***

Sesuatu yang harus.

2.29 mujtahid

Seseorang yang berkelayakan untuk mengeluarkan atau mengambil hukum berasaskan *al-Quran* dan *al-Sunnah.*

2.30 ***mukallaf***

Orang Islam yang telah akil baligh dan diwajibkan mematuhi hukum-hakam Islam.

2.31 ***musalla***

Tempat atau ruangan yang dikhaskan untuk solat

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

2.32 *mustahab*

Sesuatu yang sunat.

2.33 *musta'mal*

Yang telah digunakan.

2.33.1 tanah *musta'mal*

Tanah yang telah digunakan untuk bersuci.

2.33.2 air *musta'mal*

Air yang kurang dari dua kolah (anggaran 192 L) yang telah digunakan untuk bersuci daripada hadas (kecil atau besar) serta tidak boleh digunakan semula untuk berwuduk, mandi wajib dan menyucikan najis.

2.34 najis

2.34.1 Sesuatu yang tidak suci mengikut syarak. Dibahagikan kepada tiga jenis:

a) Najis *mughallazah* (najis berat) ialah anjing dan babi (khinzir) termasuk sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga anjing dan babi (khinzir), keturunannya dan terbitan daripadanya. Bahagian anggota badan, pakaian dan peralatan yang dicemari oleh najis ini perlu disamak (Rujuk istilah 2.35.1);

b) Najis *mukhaffafah* (najis ringan) ialah air kencing bayi lelaki berusia dua tahun hijri dan ke bawah yang tidak mengambil apa-apa makanan lain kecuali susu ibu sahaja. Cara menyucikannya ialah dengan merenjiskan air; dan

c) Najis *mutawassitah* (najis pertengahan) ialah semua najis yang tidak termasuk dalam kategori najis berat atau najis ringan seperti muntah, nanah, darah, arak dan bangkai. Cara menyucikannya ialah dengan membersihkannya sehingga hilang bau, warna dan rasa.

2.34.2 najis *'aini*

najis yang dapat dilihat, dirasa, atau dihidu.

2.34.3 najis *hukmi*

najis yang ada tetapi tidak dapat dilihat, dirasa, atau dihidu.

2.35 niat

Kehendak hati untuk melakukan sesuatu perkara dengan sendiri dan tidak secara paksa. Dalam Islam, sesuatu niat itu mestilah kerana Allah.

2.36 penyembelihan

Perbuatan memutuskan saluran pernafasan (*halqum*), saluran makanan (*mari'*) dan kedua-dua urat darah karotid dan jugular (*wadajain*) dengan alat yang tajam untuk mempercepatkan pengaliran keluar darah dan kematian haiwan yang halal.

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

2.36.1 ***halqum***

Saluran pernafasan.

2.36.2 ***mari'***

Saluran makanan.

2.36.3 ***wadajain***

Urat karotid dan jugular.

2.37 samak

2.37.1 samak najis mughallazah (sertu)

Menyucikan anggota badan, pakaian, tempat dan peralatan yang terkena najis mughallazah dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali.

2.37.2 ***samak kulit (Ar. Dibagh)***

Menyucikan kulit binatang selain anjing dan babi sehingga hilang bau dan sisa-sisa daging dan lemak.

2.38 ***tasmiyah***

Penyebutan nama Allah ketika menyembelih haiwan halal. Contoh kalimah بسم الله الله اكبر (BISMILLAH ALLAHUAKBAR) yang bermaksud "Dengan nama Allah, Allah yang Maha Besar" atau بسم الله الرحمن الرحيم (BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM) yang bermaksud "Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang"

2.39 ***tayammum***

Perbuatan menyapu tanah atau debu ke muka dan kedua-dua tangan menggantikan wuduk atau mandi wajib dengan syarat-syarat tertentu.

2.40 ulama

orang Islam yang ahli dalam hal-hal agama Islam.

2.41 ***usul al-fiqh***

Satu cabang ilmu yang membincangkan sumber-sumber, prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah penentuan hukum Syarak.

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

Lampiran A
(normatif)

Transliterasi istilah dan tulisan Arab

A1 Ejaan mengikut transliterasi dan tulisan Arab bagi istilah-istilah Arab yang digunakan di dalam standard dirumuskan di dalam Jadual A1.

Jadual A1. Transliterasi istilah dan tulisan Arab

Istilah	Transliterasi	Tulisan Arab
Allah	Allāh	الله
Ahkam	Aḥkām	أَحْكَام
(Air) Mutlaq	(Air) Muṭlaq	مُطْلَق
Alkohol	Alkuḥūl	اَلْكُحُوْل
Al-Hadis	Al-Ḥadith	اَلْحَدِيْث
Al-Ijma'	Al-Ijmā^{c}	الإِجْمَاع
Al-Sunnah	Al-Sunnah	السُّنَّة
Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah	Al-Qawā^{c}id Al-Fiqhiyyah	اَلْقَوَاعِد الْفِقْهِيَّة
Al-Qiyas	Al-Qiyās	اَلْقِيَاس
Al-Quran	Al-Qur'ān	اَلْقُرْآن
Baligh	Bāligh	بَالِغ
Dam Masfuh	Dam Masfūḥ	دَم مَسْفُوْح
Dibagh	Dibāgh	دِبَاغ
Fatwa	Fatwā	فَتْوَى
(Haiwan) Jallalah	(Haiwan) Jallālah	جَلَّالَة
Halal	Ḥalāl	حَلَال
Halalan Tayyiba	Ḥalālan Ṭayyiban	حَلَالاً طَيِّبًا
Halqum	Ḥalqūm	حَلْقُوْم
Haram	Ḥarām	حَرَام
Hayah Mustaqirrah	Ḥayah Mustaqirrah	حَيَاة مُسْتَقِرَّة
(Hukum) Syarak	(Hukum) Shara^{c}	شَرَع
Hukum Taklifi	Ḥukm Taklīfī	حُكْم تَكْلِيْفِيّ
Hukum Wad^{c}i	Ḥukm Waḍ^{c}ī	حُكْم وَضْعِيّ
Syariah	Sharī^{c}ah	شَرِيْعَة
Istihalah	Istiḥālah	اسْتِحَالَة
Khamar	Khamar	خَمْر
Kiblat	Qiblah	قِبْلَة
Mazbuh	Madhbūḥ	مَذْبُوْح
Masfuh	Masfūḥ	مَسْفُوْح
Maslahah	Maṣlaḥah	مَصْلَحَة
Maqasid Al-Shariah	Maqāṣid Al-Sharī^{c}ah	مَقَاصِد الشَّرِيْعَة
Mazhab	Madhhab	مَذْهَب

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

Jadual A1. Transliterasi istilah dan tulisan Arab *(sambungan)*

Istilah	Transliterasi	Tulisan Arab
Mubah	Mubāḥ	مُبَاح
Mujtahid	Mujtahid	مُجْتَهِد
Mukallaf	Mukallaf	مُكَلَّف
Musolla	Muṣallā	مَصَلَّى
Mustahab	Mustaḥab	مُسْتَحَب
Musta'mal	Musta^{c}mal	مُسْتَعْمَل
Najis	Najis	نَجِس
Najis 'Aini	Najis ^{c}Aynī	نَجِس عَيْنِيّ
Najis Hukmi	Najis Ḥukmī	نَجِس حُكْمِيّ
(Najis) Mughallazah	(Najis) Mughallaẓah	(نَجِس) مُغَلَّظَة
Niat	Niyyah	نِيَّة
Mari'	Marī'	مَرِيْء
Wadajain	Wadajayn	وَدَجَيْن
Tasmiyah	Tasmiyah	تَسْمِيَة
Tayyiba	Ṭayyiban	طَيِّبًا
Tayammum	Tayammum	تَيَمُّم
Ulama	^{c}Ulamā'	عُلَمَاء
Usul Al-Fiqh	Uṣūl Al-Fiqh	أُصُوْل الفِقْه

A2 Transliterasi bagi istilah Arab adalah mengikut ejaan seperti yang terdapat di dalam Jadual A2 dan pengunaan vokal bagi ejaan adalah seperti di dalam Jadual A3.

Jadual A2. Jadual transliterasi

ء	'	خ	kh	ش	sh	غ	gh	ن	n
ب	b	د	d	ص	ṣ	ف	f	ه	h
ت	t	ذ	dh	ض	ḍ	ق	q	و	w
ث	th	ر	r	ط	ṭ	ك	k	ي	y
ج	j	ز	z	ظ	ẓ	ل	l		
ح	ḥ	س	s	ع	^{c}	م	m		

Jadual A3. Jadual penggunaan vokal

Vokal pendek	
ـَ	a
ـِ	i
ـُ	u

Vokal panjang	
ا + ـَ	ā
ى + ـِ	ī
و + ـُ	ū

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

Bibliografi

[1] al-Amidiyy, ᶜAliyy bin Abi ᶜAliyy bin Muhammad. T.th. *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah

[2] al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1419H/1998. *al-Mankhul Min Taᶜliqat al-Usul*. Cet. 3. Beirut: Dar al-Fikr al-Muᶜasir

[3] al-Sharbiniyy, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1994. *al-Iqnaᶜ Fi Hall Alfaz Abi Shujaᶜ*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah

[4] al-Sharbiniyy, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1419H/1998. *Mughni al-Muhtaj Ila Maᶜrifat Maᶜani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr

[5] al-Shawkaniyy, Muhammad bin ᶜAliyy. 1421H/2000. *Irshad al-Fuhul Ila Tahqiq al-Haqq Min ᶜIlm al-Usul*. Cet. 1. Damascus: Dar Ibn Kathir

[6] al-Zarkashiyy, Badr al-Din Muhammad bin Bahadur. 1413H/1992. *al-Bahr al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. Cet. 2. Jil. 1. al-Ghardaqah: Dar al-Safwah

[7] al-Zuhayliyy, Wahbah. *1989. al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh* . Cet. 3. Dimashq: Dar al-Fikr

[8] Ibnu al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin ᶜAbd al-Wahid. 1419H/1999. *al-Tahrir Fi Usul al-Fiqh al-Jamiᶜ Bayna Istilahay al-Hanafiyyah Wa al-Shafiᶜiyyah*. Cet. 1. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah

[9] Ibnu Juzayy, Abu al-Qasim Muhammad bin Ahmad. 1424H/2003. *Taqrib al-Wusul Ila ᶜIlm al-Usul*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah

[10] Salqiniyy, Ibrahim Muhammad. 1991. *Al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muᶜasir

[11] Zaydan, ᶜAbd al-Karim. 2001. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh* . Cet. 1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah al-Nashirun

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

Penghargaan

Ahli Jawatankuasa Standard Perindustrian bagi Standard Halal

Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abd Aziz (Pengerusi)	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Puan Masrina Mansor (Setiausaha)	SIRIM Berhad
Puan Mazli Muhammad	Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Puan Mariam Abdul Latif/ Puan Seri Azalina Mohd Ghazalli	Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd
Cik Nur Syahidah Abdul Jalil	Institut Kefahaman Islam Malaysia
Dato' A Aziz Mat	Institute of Quality Malaysia
Puan Saimah Mokhtar/ Puan Hakimah Mohd Yusoff	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Dr Muhmad Kamarulzaman Muhmad Sarif	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Puan Nor Latifah Hussin	Jabatan Standard Malaysia
Puan Shamsinar Abdul Talib	Kementerian Kesihatan Malaysia
Haji Amran Sameon	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Encik Saifulbahri Abdul Kadir	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Dr Mohamad Shafit Hussain	Malaysian Agricultural Research and Development Institute
Datuk Paduka Nadzim Johan/ Encik Zulkefli Mohammad	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Encik Mohd Yusof Abdul Rahman	Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia
Encik Othman Md Yusoff	Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
Prof Madya Dr Mahamad Arifin	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Ahli Kumpulan Kerja bagi Istilah dan Daftar Istilah Islam

Prof Madya Dr Mahamad Arifin (Pengerusi)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Puan Norfaizah Nasir (Setiausaha)	SIRIM Berhad
Hajjah Ratna Inzah Datuk Haji Mohd Asri/ Puan Hasliha Mat Zabidi	Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia
Puan Mariam Abdul Latif/ Puan Seri Azalina Mohd Ghazalli	Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd
Dr Mohd Sani Badron/ Dr Mohd Zaidi Ismail	Institut Kefahaman Islam Malaysia
Encik Mohammad Saari/ Encik Mohd Rus Yunus	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Encik Zulkefli Mohammad	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Dr Mohammad Deen Mohd Napiah	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Dr Mohammad Seman/ Encik Muhammad Salman @ Zalman Jonid	Universiti Malaya
Dr Syahirah Abdul Shukor/ Encik Irwan Mohd Subri	Universiti Sains Islam Malaysia
Encik Mazilan Musa	Yayasan Ilmuwan

© STANDARDS MALAYSIA 2010 – Hak cipta terpelihara

© Hak cipta 2010
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang atau menggunakan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sama ada elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi dan mikrofilem, tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Standard Malaysia.